



**MALYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**
Est. 1982

SPECTRUM

MSAE



ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN

SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 03/2020

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH MARDI


Pada 23 Julai 2020 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Mohamad Roff bin Mohd. Noor, Ketua Pengarah MARDI. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara MSAE dan MARDI dan secara tidak langsung dapat melebarluaskan lagi rangkaian MSAE. Antara Exco yang turut hadir ialah Presiden MSAE; Prof. Madya Dr Rosnah, Timb. Presiden Pentadbiran MSA; Ir. Mohd. Fazly Mail, Setiausaha MSAE; Dr. Siti Hajar Ariffin, Bendahari MSAE; Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob dan Exco MSAE; Dr. Mohd. Nazren Radzuan (Gambar 1).



Gambar 1: Kunjungi hormat Exco MSAE kepada KP LPP

Antara kategori pertandingan ARC2020 yang dipertandingkan adalah Pertandingan *Online Paper*, Poster dan Pertandingan Video. Terdapat 4 buah negara yang terlibat iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand dan Nepal serta melibatkan 13 institusi dan sebanyak 99 buah kumpulan. Ir. Mohd. Fazly Mail yang merupakan Timbalan Presiden MSAE telah dijemput menjadi salah seorang ucapnama pada konvensyen tersebut dengan membentangkan tajuk "How Modern Farming Can Sustain the Agriculture Industry?". Majlis yang berlangsung itu dapat dilihat di talian youtube;


<https://www.youtube.com/watch?v=W4c-j8qPYpQ>



Gambar 2: Poster ARC 2020

6th ANNUAL REGIONAL CONVENTION 2020 (ARC 2020) WEBINAR

Pada 29 Julai 2020 yang lalu, satu mesyuarat secara atas talian telah diadakan untuk membincangkan acara tahunan iaitu *Annual Regional Convention 2020* (ARC2020). Universitas Briwijaya merupakan tuan rumah bagi konvensyen kebangsaan untuk kali ke-6 ini. ARC2020 seterusnya berlangsung pada 25 Ogos 2020 secara atas talian bersempena konvensyen ke-4 "International Conference on Green Agro-Industry and Bioeconomy (ICGAB)". Tema konvensyen ICGAB 2020 kali ini ialah "Innovation Technology in The Era Globalization for Sustainable Agroindustry".



Gambar 3: Mesyuarat secara maya bagi perbincangan tujuan ARC 2020



Gambar 4: Penglibatan Ir. Mohd. Fazly Mail sebagai ucaputama

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Pada 28 Ogos 2020 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat kepada YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan dan secara tidak langsung dapat melebarluaskan lagi rangkaian MSAE. Di samping menyampaikan Anugerah Keahlian Kehormat daripada MSAE kepada YBhg. Ketua Pengarah. Antara Exco yang turut hadir ialah Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr. Rosnah, Ir. Mohd. Fazly Mail, Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob, Encik Zamzuri Zabidin dan Dr. Mohd. Nazren Radzuan (Gambar 5).



Gambar 5: Kunjungan hormat kepada KP Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

SMART FARMING INTERNATIONAL WEBINAR 2020 (SFIW2020)

Pada 24 Oktober 2020, MSAE-SC (UPM-Bintulu) telah menganjurkan Program "Smart Farming International Webinar 2020 (SFIW2020)". Program ini dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan platform Webex. Program ini dijalankan untuk memberi pendekatan kepada para belia, pelajar dan orang awam berkaitan dengan kaedah *Smart Farming* selain memberi peluang untuk masyarakat mempelajari kaedah dan teknologi terkini di dalam bidang pertanian. Sambutan yang amat menggalakan dengan seramai 450 peserta menyertai SFIW2020 ini.



Gambar 6: Program Smart Farming International Webinar (SWIF2020)

Antara pengisian program adalah beberapa slot yang akan disampaikan oleh 3 pembentang seperti Prof. Madya Dr. Siti Khairunniza Bejo dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Malaysia, Prof. Dr. Usman Ahmad dari Institut Pertanian Bogor (IPB) Indonesia dan Dr. Luz Angelica Suarez dari University of New England, Australia.

KONVENSYEN KEBANGSAAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN MAKANAN (NAFEC) 2021

MARDI dan MSAE akan bekerjasama dalam menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan pada 23 dan 24 Mac 2021. Konvensyen ini akan diadakan di Dewan Tan Sri Yusof Hashim, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor. Tujuan konvensyen ini diadakan adalah sebagai salah satu usaha untuk memastikan industri pertanian dan makanan lebih berdaya saing di peringkat global dengan memberi keutamaan dan penghasilan produk pertanian yang berkualiti. Semua ahli MSAE digalakkan menyertai NAFEC2021 yang akan diadakan ini. Maklumat terperinci dan untuk pendaftaran adalah pada talian berikut; <https://event.msae.my/>



Gambar 7: Poster Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian dan Makanan (NAFEC) 2021